

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi
Sent: Wednesday, 7 September, 2016 9:58 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Abdul Rahim B Othman; Dr. Mohd Najib Bin Mansor; Muhammad Hafiz Bin Mohd Ghazali
Subject: PENDEDAHAN KEUSAHAWANAN MELALUI PROGRAM SISWAPRENEUR@PPRN



**Institut Pembangunan
Keusahawanan dan Koperasi**

CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP
DEVELOPMENT INSTITUTE

Universiti Utara Malaysia

07 SEPTEMBER 2016 / 05 ZULHIJJAH 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

**PENDEDAHAN KEUSAHAWANAN MELALUI PROGRAM
SISWAPRENEUR@PPRN**



CEDI ONLINE : Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) telah menganjurkan bengkel Siswapreneur@PPRN pada 5 – 6 September 2016. Program Siswapreneur@PPRN ini menggabungkan program perintis Enterprise Kecil & Sederhana (EKS) siswazah dengan *Public-Private Research Network (PPRN)*, adalah program anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPT) dengan melibatkan 8 buah universiti awam Malaysia. Pihak CEDI telah dilantik sebagai sekretariat untuk program Siswapreneur@PPRN di utara tanah air.

Program Siswapreneur@PPRN ini dijalankan berasaskan Modul keusahawanan yang telah dibangunkan oleh pihak urus setia Siswapreneur@PPRN iaitu CESMED (UKM). Program ini melibatkan seramai 40 orang pelajar UUM dan 8 orang penyelia daripada UUM. Tempoh pelaksanaan program ini adalah selama 2 bulan yang akan memberikan pendedahan kepada pelajar berkenaan dengan pengurusan perniagaan dengan menempatkan mereka di syarikat-syarikat PPRN untuk membantu meningkatkan pendapatan dan imej syarikat di dalam pasaran dan industri.

Melalui program Siswapreneur@PPRN ini, adalah diharapkan para pelajar dapat menerapkan nilai dan kemahiran keusahawanan di peringkat pengajian mereka melalui aktiviti pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*), membuka peluang pembelajaran keusahawanan (*entrepreneurial learning*) yang lebih meluas serta untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang keusahawanan. Program ini juga meningkatkan peranan IPT dalam konteks sistem penyampaian dan penyebaran ilmu kepada masyarakat.

TAMAT

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my

smatb2016

